

## Kelas Bimbingan

Program kelas bimbingan secara percuma yang ditaja oleh sebuah syarikat penerbitan buku telah dijalankan di sekolah Amar. Amar \_\_\_\_ rakan-rakannya tidak melepaskan peluang keemasan untuk mengikuti kelas bimbingan Bahasa Melayu \_\_\_\_ dikendalikan oleh Cikgu Mazidah.

Cikgu Mazidah memberikan penerangan yang jelas \_\_\_\_ murid memahami topik yang diajarkannya. \_\_\_\_ selesai sesi penerangan, beliau meminta murid membuat latihan.

Amar \_\_\_\_ rakan-rakannya membaca arahan yang diberikan dengan teliti. Dia tekun menulis jawapan \_\_\_\_ masa yang diberikan oleh Cikgu Mazidah hanya sepuluh minit sahaja.

\_\_\_\_ masa menjawab tamat, Cikgu Mazidah meminta murid-murid bersedia \_\_\_\_ dipanggil ke hadapan. Perlahan-lahan beliau menuju ke meja Amar \_\_\_\_ memintanya ke hadapan kelas.

Amar terkejut \_\_\_\_ diminta berbuat demikian. Dia melangkah dengan perasaan gementar \_\_\_\_ tidak yakin akan jawapannya itu. Jantungnya berdegup kencang \_\_\_\_ dia memberanikan diri.

Cikgu Mazidah meminta murid senyap \_\_\_\_\_  
menumpukan perhatian. Beliau memberitahu \_\_\_\_\_  
segala jawapan akan diterima. \_\_\_\_\_ tidak tepat  
beliau akan membetulkan jawapan tersebut.

Amar membacakan jawapan yang ditulisnya  
itu \_\_\_\_\_ akhir. Cikgu Mazidah \_\_\_\_\_ murid-murid  
lain tekun mendengar jawapan Amar. \_\_\_\_\_  
suaranya tersekat-sekat \_\_\_\_\_ akhirnya dia berjaya  
juga menyudahkan bacaannya itu.

Cikgu Mazidah tersenyum \_\_\_\_\_  
mengucapkan tahniah kepada Amar. Amar  
berasa lega apabila Cikgu Mazidah berpuas hati.  
Dia menuju semula ke tempat duduknya \_\_\_\_\_  
menarik nafas lega.

Kelas bimbingan itu berakhir kira-kira pukul 12.00  
tengah hari. Walaupun penat, Amar gembira  
kerana dapat menambahkan pengetahuannya.  
Jika tiada aral melintang, dia pasti akan  
menghadiri kelas bimbingan itu pada minggu  
hadapan.

Pilihan Jawapan :

|        |         |       |         |          |
|--------|---------|-------|---------|----------|
| dan    | bahawa  | yang  | jikalau | supaya   |
| hingga | setelah | serta | selepas | walaupun |
| untuk  | tetapi  | lalu  | sambil  | apabila  |
|        | kerana  |       | namun   |          |